



Ruj. Kami : KP(BTP-PENT)S/8800/50/25 -10 Jld 7( 13 )  
Tarikh : 01 Ogos 2016

## SEPERTI SENARAI EDARAN

YBhg. Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan,

### PELAKSANAAN PROFIL BAHARU *BANDWIDTH* 1BESTARINET DI SEKOLAH-SEKOLAH 4G DI SELURUH SEMENANJUNG, SABAH DAN W.P. LABUAN KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA OLEH SYARIKAT YTL COMMUNICATIONS SDN BHD

Dengan hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Adalah dimaklumkan pihak syarikat YTLC akan melaksanakan aktiviti naik taraf profil *Bandwidth* 4Mbps ke 6Mbps, 10Mbps dan 15Mbps bagi sekolah-sekolah 4G seperti di **Lampiran A** di seluruh Semenanjung, Sabah dan W.P Labuan untuk tempoh tiga puluh hari (30) bermula dari 01 hingga 31 Ogos 2016.

3. KPM telah memberi kebenaran kepada pihak syarikat YTLC untuk menjalankan pelaksanaan profil baharu *Bandwidth* 6Mbps bagi sekolah-sekolah yang terlibat dengan syarat tidak mengganggu operasi harian sekolah. Pihak sekolah perlu memastikan **Peranti Zoom dan OCPE berada dalam mod *standby* (aktif)** bagi memberi laluan pada proses naik taraf *Bandwidth*.

4. Kerjasama pihak YBhg. Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan adalah dimohon bagi memastikan sekolah - sekolah terlibat mematuhi langkah-langkah di bawah. Pihak pembekal perkhidmatan telah menyediakan aplikasi di laman sesawang **[1bselfcare.yes.my](http://1bselfcare.yes.my)** dan Panduan pengguna di **[1bestarinet.net](http://1bestarinet.net)** bagi memudahkan pihak sekolah.

5. Pihak sekolah perlu:

- i. Melakukan pendaftaran maklumat guru agar peruntukan pelan data individu 2GB dapat dibekalkan kepada guru yang memiliki Dongle sedia ada.

PELAKSANAAN PROFIL BAHARU BANDWIDTH 1BESTARINET DI SEKOLAH-SEKOLAH 4G DI SELURUH SEMENANJUNG, SABAH DAN W.P. LABUAN KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA OLEH SYARIKAT YTL COMMUNICATIONS SDN BHD

- a) Guru ICT sekolah perlu mengenal pasti pemilik Dongle 1BestariNet yang masih berfungsi dan mendaftar maklumat berkaitan ke dalam aplikasi yang disediakan. Ini bagi memastikan guru tersebut dapat dibekalkan dengan pelan data individu 2GB. Pelan data sedia ada 1.5GB akan ditamatkan pada 15 Ogos 2016.
- ii. Sekolah mengesahkan infrastruktur *Local Area Network* (LAN) sedia ada.
  - a) Mengesahkan status LAN di makmal, bilik guru dan pejabat pentadbiran.
    - i. Ada LAN yang berfungsi;
    - ii. Ada LAN tetapi tidak berfungsi; dan
    - iii. Tiada LAN
  - b) Mengesahkan bilangan makmal komputer (makmal KPM sahaja) yang ada di sekolah.
  - c) Memasukkan bilangan komputer (bekalan KPM) yang ada di setiap makmal.
- iii. Memastikan pihak sekolah membuat pengesahan lokasi peranti Zoom.
  - a) Peranti Zoom perlu ditempatkan di lokasi yang didaftarkan berasaskan nombor siri setiap Zoom di makmal komputer, di bilik guru dan di pejabat pentadbiran.
- iv. Memastikan perkhidmatan *Bandwidth* yang dibekalkan menepati syarat kontrak dengan cara:
  - a) mengesahkan perkhidmatan profil baharu *Bandwidth* yang ditetapkan mengikut kontrak dengan melengkapkan **Borang SAP**;
  - b) menguji capaian yang dibekalkan dan mengakui maklumat perkhidmatan adalah benar dan dipersetujui seterusnya melengkapkan **Borang SPP**;
  - c) menghantar dokumen asal **SAP**, **SPP ke BTP** dalam masa lima belas (15) hari kalendar untuk tujuan pengesahan tuntutan pembayaran perkhidmatan kepada pihak syarikat; dan

PELAKSANAAN PROFIL BAHARU BANDWIDTH 1BESTARINET DI SEKOLAH-SEKOLAH 4G DI SELURUH SEMENANJUNG, SABAH DAN W.P. LABUAN KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA OLEH SYARIKAT YTL COMMUNICATIONS SDN BHD.

- d) Borang SAP dan SPP boleh dimuat turun melalui pautan **1bestarinet.net**
  - v. Memastikan pihak sekolah membuat pendaftaran maklumat peranti peribadi dengan mendaftar peranti peribadi yang dibenarkan sahaja untuk akses wifi di Pejabat Pentadbiran.
6. Bersama-sama surat ini dilampirkan salinan panduan pengguna untuk rujukan pihak YBhg. Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan dan tindakan pihak sekolah **sebelum 22 Ogos 2016**.
7. Sehubungan itu, sila maklumkan kandungan surat ini kepada pegawai yang bertanggungjawab di Jabatan Pendidikan Negeri, Pejabat Pendidikan Daerah, Pengetua dan Guru-Besar sekolah-sekolah di bawah pentadbiran YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan.
8. Sebarang pertanyaan berkenaan perkara di atas boleh diajukan ke Meja Bantuan 1BestariNet di talian 018-7998787 atau [moesupport@ytlcomms.my](mailto:moesupport@ytlcomms.my).

Sekian. Terima kasih.

**“SEHATI SEJIWA”**  
**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**



**DATO' SRI KHAIRIL BIN AWANG**  
Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia  
Dasar dan Pembangunan Pendidikan  
Kementerian Pendidikan Malaysia

s.k.:

Pengarah  
Bahagian Teknologi Pendidikan

Setiausaha Bahagian  
Bahagian Perolehan dan Pengurusan Aset

Ketua Pegawai Pengurus  
YTL Communications Sdn. Bhd.

PELAKSANAAN PROFIL BAHARU BANDWIDTH 1BESTARINET DI SEKOLAH-SEKOLAH 4G DI SELURUH SEMENANJUNG, SABAH DAN W.P. LABUAN KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA OLEH SYARIKAT YTL COMMUNICATIONS SDN BHD

## **SENARAI EDARAN**

1. Pengarah  
Jabatan Pendidikan Kedah  
Kompleks Pendidikan  
Jalan Stadium  
05604 Alor Star, KEDAH
2. Pengarah  
Jabatan Pendidikan Pulau Pinang  
Jalan Bukit Gambir  
11700 PULAU PINANG
3. Pengarah  
Jabatan Pendidikan Perak  
Jalan Tun Abdul Razak  
30640 Ipoh, PERAK
4. Pengarah  
Jabatan Pendidikan Selangor  
Jalan Jambu Bol 4/3e, Seksyen 4  
40604 Shah Alam, SELANGOR
5. Pengarah  
Jabatan Pendidikan Negeri Sembilan  
Jalan Dato' Hamzah  
70990 Seremban, NEGERI SEMBILAN
6. Pengarah  
Jabatan Pendidikan Melaka  
Jalan Istana  
75450 Bukit Beruang Melaka, MELAKA
7. Pengarah  
Jabatan Pendidikan Negeri Johor  
Wisma Pendidikan  
Jalan Tun Abdul Razak  
80604 Johor Bahru, JOHOR

PELAKSANAAN PROFIL BAHARU BANDWIDTH 1BESTARINET DI SEKOLAH-SEKOLAH 4G DI SELURUH SEMENANJUNG, SABAH DAN W.P. LABUAN KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA OLEH SYARIKAT YTL COMMUNICATIONS SDN BHD

8. Pengarah  
Jabatan Pendidikan Pahang  
Bandar Indera Mahkota  
25604 Kuantan, PAHANG
  
9. Pengarah  
Jabatan Pendidikan Negeri Terengganu  
Jalan Bukit Kecil  
20604 Kuala Terengganu, TERENGGANU
  
10. Pengarah  
Jabatan Pendidikan Kelantan  
Jalan Doktor  
15000 Kota Bharu, KELANTAN
  
11. Pengarah  
Jabatan Pendidikan Sabah  
Tingkat 4,5 Dan 7, Rumah Persekutuan  
88300, Kota Kinabalu, SABAH
  
12. Pengarah  
Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur  
Persiaran Duta Off Jalan Duta  
50604 KUALA LUMPUR
  
13. Pengarah  
Jabatan Pendidikan Perlis  
Jalan Tun Abdul Razak  
01990 Kangar, PERLIS
  
14. Pengarah  
Jabatan Pendidikan Labuan  
Aras 10, Blok 4, Kompleks Ujana Kewangan  
Peti Surat 81097  
87020 W.P LABUAN
  
15. Pengarah  
Jabatan Pendidikan Putrajaya  
Pejabat Pelajaran Wilayah Persekutuan Putrajaya  
Jalan P16, Presint 16,  
62150 W.P. PUTRAJAYA

PELAKSANAAN PROFIL BAHARU BANDWIDTH 1BESTARINET DI SEKOLAH-SEKOLAH 4G DI SELURUH SEMENANJUNG, SABAH DAN W.P. LABUAN KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA OLEH SYARIKAT YTL COMMUNICATIONS SDN BHD

16. Ketua Penolong Pengarah  
Bahagian Teknologi Pendidikan Negeri  
Lorang Sahabat Off Jalan Penampang Lama  
89500 Penampang, SABAH
  
17. Ketua Penolong Pengarah  
Bahagian Teknologi Pendidikan Negeri  
Jalan Hang Jebat, Taman Skudai Baru  
81300 Johor Bahru, JOHOR
  
18. Ketua Penolong Pengarah  
Bahagian Teknologi Pendidikan Negeri  
Kompleks Pendidikan Jalan Stadium  
05100 Alor Setar, KEDAH
  
19. Ketua Penolong Pengarah  
Bahagian Teknologi Pendidikan Negeri  
Jalan Maktab, Pengkalan Chepa  
16100 Kota Bharu, KELANTAN
  
20. Ketua Penolong Pengarah  
Bahagian Teknologi Pendidikan Negeri  
KM 10, Jalan Kemaman, Beserah  
26100 Kuantan, PAHANG
  
21. Ketua Penolong Pengarah  
Bahagian Teknologi Pendidikan Negeri  
Jalan Tawas Baru Utara, Tasek Damai  
30010 Ipoh, PERAK
  
22. Ketua Penolong Pengarah  
Bahagian Teknologi Pendidikan Negeri  
Jalan Kepuk 19/2, Seksyen 19  
40300 Shah Alam, SELANGOR
  
23. Ketua Penolong Pengarah  
Bahagian Teknologi Pendidikan Negeri  
21600 Marang, TERENGGANU

PELAKSANAAN PROFIL BAHARU BANDWIDTH 1BESTARINET DI SEKOLAH-SEKOLAH 4G DI SELURUH SEMENANJUNG, SABAH DAN W.P. LABUAN KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA OLEH SYARIKAT YTL COMMUNICATIONS SDN BHD

24. Ketua Penolong Pengarah  
Bahagian Teknologi Pendidikan Negeri  
KM 15, Jalan Pantai Teluk Kemang  
71050 SiRusa, NEGERI SEMBILAN
  
25. Ketua Penolong Pengarah  
Bahagian Teknologi Pendidikan Negeri  
KM 9, Jalan Tun Kudu, Bukit Katil  
75450 MELAKA
  
26. Ketua Penolong Pengarah  
Bahagian Teknologi Pendidikan Negeri  
Pokok Sena, 13220 Kepala Batas  
PULAU PINANG
  
27. Ketua Penolong Pengarah  
Bahagian Teknologi Pendidikan Negeri  
Jalan Seri Permaisuri, Bandar Seri Permaisuri  
56000 W.P KUALA LUMPUR
  
28. Ketua Penolong Pengarah  
Bahagian Teknologi Pendidikan Negeri  
Peti Surat 80151, Jalan Bukit Besar, Kg. Sg. Lada  
87013 W.P.LABUAN
  
29. Ketua Penolong Pengarah  
Bahagian Teknologi Pendidikan Negeri  
Jalan Behor Pulai  
01000 Kangar, PERLIS